

Bil. S 2

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah di bawah bab 83(3))**

**PERINTAH KESAHAN TARAF, 2001**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Pengenaan.
4. Pengesahan taraf melalui perkahwinan ibu bapa yang kemudiannya.
5. Pengisytiharan kesahan taraf orang yang disahtaraf.
6. Hak orang disahtaraf untuk mengambil kepentingan ke atas harta.
7. Pewarisan apabila orang disahtaraf dan zuriatnya mati tanpa wasiat.
8. Pengenaan kepada orang tak sah taraf yang mati sebelum perkahwinan ibu bapa.
9. Hak dan kewajipan diri orang disahtaraf.
10. Peruntukan-peruntukan tentang orang yang disahtaraf oleh undang-undang luar.
11. Hak anak tak sah taraf dan ibu kepada anak tak sah taraf untuk mewarisi apabila salah seorang daripada mereka mati tanpa wasiat.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH KESAHAN TARAF, 2001

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kesahan Taraf, 2001.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk membuat peruntukan bagi pengesahan taraf anak-anak yang lahir luar nikah".

**Tafsiran.**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Mahkamah", bermakna Mahkamah Tinggi;

"orang disah taraf" bermakna seseorang yang disah taraf oleh Perintah ini;

"pelupusan" bermakna suatu pemindahan sebarang kepentingan ke atas harta dengan apa-apa suratcara, sama ada *inter vivos* atau dengan wasiat;

"si-mati tanpa wasiat" termasuk seseorang yang meninggalkan wasiat tetapi mati tanpa membuat wasiat tentang sesuatu kepentingan benefisial ke atas harta pusaknya;

"tarikh pengesahan taraf" bermakna tarikh perkahwinan yang membawa kepada pengesahan taraf.

**Pengenaan.**

3. (1) Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh berkuatkuasa untuk mengesahkan taraf seseorang melainkan jika perkahwinan yang membawa kepada pengesahan taraf itu telah diupacarkan atau didaftarkan menurut —

(a) Akta Perkahwinan (Penggag 76); atau

(b) Akta Pendaftaran Perkahwinan (Penggag 124).

(2) Pengesahan taraf seseorang di bawah Perintah ini tidak membolehkannya atau suami atau isterinya, anak-anaknya atau zuriat jauhnya untuk mengambil sebarang kepentingan ke atas harta kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Perintah ini.

**Pengesahan taraf melalui perkahwinan ibu bapa yang kemudiannya.**

4. Tertakluk kepada bab 3, jika ibu bapa kepada orang tak sah taraf berkahwin atau pernah berkahwin antara satu sama lain, pada bila-bila masa, perkahwinan tersebut hendaklah, jika bapa atau ibu kepada orang tak sah taraf itu telah atau adalah berdomisil, pada tarikh perkahwinan tersebut, di Negara Brunei Darussalam, menjadikan orang itu, jika hidup, sah taraf mulai dari tarikh perkahwinan tersebut.

**Pengisytiharan kesahan taraf orang disahataraf.**

5. (1) Seseorang yang mengaku bahawa dia atau sama ada ibu atau bapa atau mana-mana keturunan jauhnya menjadi atau telah menjadi orang disahataraf boleh, sama ada berdomisil di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain, memohon dengan petisyen kepada Mahkamah meminta suatu dekri yang mengisytiharkan bahawa dia adalah anak yang sah taraf kepada ibu bapanya, atau bahawa ibu atau bapa atau keturunan jauh tersebut adalah sah taraf; dan Mahkamah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan permohonan tersebut dan untuk membuat suatu dekri yang mengisytiharkan kesahan taraf atau ketidaksahan taraf orang itu sebagaimana yang mungkin difikirkan adil oleh Mahkamah; dan dekri itu hendaklah bagi semua niat dan tujuan mengikat semua orang tidak kira sesiapa pun.

(2) Setiap petisyen di bawah bab ini hendaklah disertakan dengan affidavit yang mengesahkan fakta-fakta yang diperkatakan di dalamnya, dan dengan bukti tiada penipuan atau pakatan sulit, sebagaimana yang mungkin diarahkan dengan sebarang aturan am oleh Mahkamah.

(3) Dalam semua prosiding di bawah bab ini Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa penuh untuk mengaward dan menguatkuasakan pembayaran kos kepada mana-mana orang yang dipanggil, sama ada orang itu menentang atau tidak menentang pengisytiharan yang dipohonkan itu, sekiranya Mahkamah menganggapnya munasabah bahawa kos tersebut patut dibayar.

(4) Satu salinan setiap petisyen di bawah bab ini, dan affidavit yang disertakan bersamanya, hendaklah, tidak kurang dari satu bulan sebelum pemfailannya, diserahkan kepada Peguam Negara, yang akan menjadi responden dalam pendengaran petisyen itu dan dalam setiap prosiding yang kemudiannya berhubung dengannya.

(5) Jika sebarang permohonan dibuat di bawah bab ini kepada Mahkamah, orang-orang (jika ada) selain daripada Peguam Negara sebagaimana yang difikirkan

patut oleh Mahkamah hendaklah, tertakluk kepada aturan-aturan yang dibuat di bawah bab ini, dipanggil dalam prosiding itu, ataupun sebaliknya disaman mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah, dan boleh dibenarkan untuk menjadi pihak-pihak dalam prosiding itu dan menentang permohonan tersebut.

(6) Dekri Mahkamah tidaklah boleh dalam sebarang hal menjejaskan mana-mana orang —

- (a) jika dibuktikan kemudiannya telah diperolehi dengan penipuan atau pakatan sulit; atau
- (b) melainkan jika orang itu telah dipanggil atau dijadikan suatu pihak dalam prosiding itu atau adalah waris di sisi undang-undang, waris yang hampir sekali atau wakil diri, atau mendapat hakmilik di bawah atau melalui, seseorang yang dipanggil atau dijadikan suatu pihak itu.

(7) Prosiding di bawah bab ini tidaklah boleh menjejaskan sebarang penghakiman atau dekri muktamad yang telah pun diumumkan atau dibuat oleh mana-mana Mahkamah berbidang kuasa yang layak.

(8) Ketua Hakim boleh membuat aturan-aturan untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan bab ini.

**Hak orang disahtraf untuk mengambil kepentingan ke atas harta.**

6. (1) Tertakluk kepada Perintah ini, orang disahtraf dan suami atau isterinya, anak-anaknya atau zuriatnya yang lebih jauh adalah berhak untuk mengambil sebarang kepentingan —

- (a) ke atas harta pusaka si-mati tanpa wasiat yang mati selepas tarikh pengesahan taraf; atau
- (b) di bawah sebarang pelupusan yang mula berkuatkuasa selepas tarikh pengesahan taraf,

mengikut cara yang sama seolah-olah orang disahtraf itu telah dilahirkan sah taraf.

(2) Jika hak ke atas sebarang harta bergantung kepada anak mana yang lebih tua daripada anak mana-mana orang, dan anak-anak ini termasuk seorang atau lebih orang disahtraf, orang atau orang-orang disahtraf itu hendaklah diberikan taraf seolah-olah dia atau mereka telah dilahirkan pada hari dia atau mereka menjadi sah taraf menurut Perintah ini, dan jika lebih daripada seorang orang disahtraf itu menjadi sah taraf pada masa yang sama maka mereka hendaklah diberikan taraf di antara mereka sendiri mengikut siapa yang lebih tua.

(3) Bab ini dikenakan hanya jika dan setakat mana maksud yang bertentangan tidak dinyatakan dalam pelupusan itu, dan hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada syarat-syarat pelupusan itu dan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya.

**Pewarisan apabila orang disah taraf dan zuriatnya mati tanpa wasiat.**

7. Jika orang disah taraf atau anak atau zuriat jauh orang disah taraf mati tanpa wasiat berkaitan dengan sebarang hartanya maka orang-orang yang sama adalah berhak untuk mengambil kepentingan ke atas harta itu sama seperti mereka sepatutnya berhak untuk mengambilnya jika orang disah taraf itu telah dilahirkan sah taraf.

**Pengenaan kepada orang tak sah taraf yang mati sebelum perkahwinan ibu bapa.**

8. Jika orang tak sah taraf mati sebelum perkahwinan ibu bapanya dengan meninggalkan mana-mana suami atau isteri, anak atau zuriat jauh yang hidup pada tarikh perkahwinan tersebut, maka, jika orang itu mungkin telah menjadi orang disah taraf, sekiranya hidup pada masa perkahwinan ibu bapanya, peruntukan-peruntukan Perintah ini berkenaan dengan pengambilan kepentingan ke atas harta oleh, atau sebagai waris kepada, suami atau isteri, anak-anak dan zuriat jauh orang disah taraf hendaklah dikenakan seolah-olah orang itu adalah orang disah taraf dan tarikh perkahwinan ibu bapanya adalah tarikh pengesahan taraf.

**Hak dan kewajipan diri orang disah taraf.**

9. Orang disah taraf hendaklah mempunyai hak yang sama dan kewajipan yang sama berkaitan dengan nafkah dan sara hidup bagi dirinya atau mana-mana orang lain seolah-olah dia telah dilahirkan sah taraf, dan tertakluk kepada Perintah ini peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan tuntutan bagi ganti rugi, pampasan, elaun, faedah ataupun selainnya oleh atau berkaitan dengan anak sah taraf hendaklah dikenakan mengikut cara yang sama dalam hal orang disah taraf.

**Peruntukan-peruntukan tentang orang yang disah taraf oleh undang-undang luar.**

10. (1) Jika ibu bapa kepada orang tak sah taraf berkahwin atau pernah berkahwin antara satu sama lain, dan bapa atau ibu kepada orang tak sah taraf itu telah atau adalah berdomisil, pada masa perkahwinan tersebut, di sesebuah negara atau wilayah selain dari Negara Brunei Darussalam, yang menurut undang-undangnya orang tak sah taraf itu menjadi sah taraf oleh sebab perkahwinan yang kemudian itu, maka orang itu, jika hidup, hendaklah diiktiraf di dalam Negara Brunei Darussalam sebagai telah disah taraf demikian mulai dari tarikh perkahwinan tersebut, walaupun bapanya pada masa orang itu dilahirkan tidak

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

berdomisil di sesebuah negara atau wilayah di mana pengesahan taraf melalui perkahwinan yang kemudian dibenarkan oleh undang-undang.

(2) Semua peruntukan Perintah ini berkenaan dengan orang disahtaraf dan pengambilan kepentingan ke atas harta oleh atau sebagai waris kepada orang disahtaraf dan suami atau isteri, anak-anak dan zuriat jauh orang disahtaraf hendaklah dikenakan dalam hal seseorang yang diiktiraf sebagai telah disahtaraf di bawah bab ini, atau yang sepatutnya, sekiranya dia masih hidup selepas perkahwinan ibu bapanya, diiktiraf demikian; dan dengan itu Perintah ini hendaklah berkuatkuasa seolah-olah sebutan-sebutan di dalamnya kepada orang disahtaraf termasuk seseorang yang diiktiraf demikian sebagai telah disahtaraf.

**Hak anak tak sah taraf dan ibu kepada anak tak sah taraf untuk mewarisi apabila salah seorang daripada mereka mati tanpa wasiat.**

11. (1) Jika ibu kepada anak tak sah taraf, anak itu bukan orang disahtaraf, mati tanpa wasiat berkenaan dengan semua atau mana-mana hartanya, dan tidak meninggalkan mana-mana zuriatnya yang sah taraf yang masih hidup, anak tak sah taraf itu, atau jika dia mati zuriatnya, adalah berhak untuk mengambil sebarang kepentingan ke atas harta itu yang dia atau zuriatnya sepatutnya berhak jika dia telah dilahirkan sah taraf.

(2) Jika anak tak sah taraf, yang bukan orang disahtaraf, mati tanpa wasiat berkenaan dengan semua atau mana-mana hartanya, maka ibunya, jika masih hidup, adalah berhak untuk mengambil sebarang kepentingan ke atas harta itu yang dia sepatutnya berhak jika anak itu telah dilahirkan sah taraf dan dialah sahaja ibu atau bapa yang masih hidup.

Diperbuat pada hari ini 27 haribulan Muharam, tahun Hijrah 1422 bersamaan dengan 21 haribulan April, 2001 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM